

SIARAN AKHBAR

OPERASI PEMBENIHAN AWAN PADA 15 SEPTEMBER 2015

PUTRAJAYA, 15 SEPTEMBER, 2015 - Operasi pembenihan awan (OPA) bagi mengurangkan kesan jerebu telah dijalankan pada hari ini, 15 September 2015 berpangkalan dari Lapangan Terbang Antarbangsa Subang.

Bagi Semenanjung Malaysia, Operasi Pembenihan Awan ini telah dijalankan di sekitar kawasan Selatan Perak , Barat Pahang Lembah Kelang dan juga negeri Sembilan. Operasi bermula pada jam 4:10 petang dan berakhir pada pukul 5:40 petang.

Pemerhatian selepas operasi dijalankan ialah berjaya menghasilkan hujan di kawasan sempadan negeri Selangor dan Pahang, kawasan selatan Perak dan juga beberapa kawasan di Lembah Kelang.

Operasi pembenihan awan di Sarawak bagi Bahagian, Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Sarikei terpaksa ditangguhkan kerana tiada awan yang sesuai iaitu awan kumulus dan kumulus nimbus.

Usaha pembenihan awan ini akan diteruskan esok di kawasan yang API nya yang tidak sihat melebihi 72 jam.

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
No. Telefon : 03-8885 8822 | No. Faks : 03-8890 3092